

31 MAY 2003

Ghani-Landskap (Bergambar)

JOHOR BAKAL PELOPORI SENI TAMAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Johor yang menjadi pemenang Anugerah Landskap Negara tiga tahun berturut-turut bakal memelopori seni taman yang bercirikan Malaysia, kata Menteri Besarnya Datuk Abdul Ghani Othman.

"Kami akan menjemput bakat dan kepakaran selain golongan kreatif untuk mengemukakan cadangan mengenai landskap itu kelak," katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku seni taman berjudul "Seri Taman" sempena ulangtahun ke-10 majalah Anjung Seri di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Katanya hasil daripada garapan percambahan idea itu mungkin dapat membantu merealisasikan pelaksanaannya menjelang pemilihan Anugerah Landskap Negara yang akan datang.

Turut hadir di majlis itu ialah Ketua Pengarang Berita Publishing Sdn Bhd Datuk Abdul Kadir Jasin.

Buku "Seri Taman" yang ditulis oleh pakar hortikultur, Abdul Rahim Mohd Rashid itu antara lain memberi panduan kepada mereka yang berminat untuk menanam sendiri pokok hiasan dengan paparan yang menyentuh aspek teknik penanaman, penjagaan, pencegahan serangga perosak dan pembiakan pokok.

Beliau berkata usaha untuk mewujudkan seni taman beridentiti Malaysia perlu kerana negara ini mempunyai kepelbagaian tumbuh-tumbuhan sama ada tumbuhan berdaun, berbunga dan juga tumbuhan herba yang belum dikenali umum.

Katanya masyarakat di negara ini lebih mempunyai kecenderungan mengikuti dan terpengaruh dengan seni taman negara luar seperti Bali, Jepun dan Inggeris.

"Melalui bentuk taman yang bercirikan Malaysia, kita boleh tonjolkan kepada dunia kekayaan hortikultur negara kita sendiri. Walaupun kita menerima banyak pengaruh dari sumber luaran, kita sewajarnya mempunyai taman yang beridentitikan jati diri negara ini dengan olahan tekstur, warna, bau-bauan dan sebagainya," katanya.

Katanya usaha membangunkan satu identiti Malaysia dalam seni taman wajar dilaksanakan selaras dengan hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mewujudkan Malaysia sebagai "Negara dalam Taman" menjelang tahun 2005.

Usaha-usaha ke arah itu sudah ada dengan Malaysia mempunyai ramai pakar hortikultur dan rakyat sendiri mempunyai kesedaran serta minat untuk mencantikkan kediaman masing-masing dengan landskap yang menarik, kata beliau lagi.

Mengenai kedudukan negeri itu yang bersempadan dengan republik Singapura yang dilanda wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS), Abdul Ghani berkata walaupun Johor bebas daripada wabak itu tetapi usaha kini sedang giat dilakukan bagi memulihkan semula jumlah kunjungan pelancong terutamanya dari republik berkenaan.

"Kami bebas dari SARS. Pengunjung telah kembali menginap di hotel-hotel tetapi orang Singapura belum balik seperti biasa," katanya.

Beliau berkata kesan paling ketara kekurangan jumlah pengunjung luar ke negeri itu ialah sekitar akhir Mac dan April lepas dan beliau berharap jumlah itu akan kembali seperti sedia kala apabila Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dijangka menarik balik amaran lawatan ke Singapura dalam tempoh 10 hari lagi.

-- BERNAMA

FA KHY ROS

